

02/02/2002

Kurikulum bersepadu untuk sekolah agama: PM

Kadir Dikoh

PUTRAJAYA, Jumaat - Kerajaan merancang memperkenalkan kurikulum bersepadu untuk sekolah agama di seluruh negara bagi mengelak pengajaran keagamaan diselewengkan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Selaras usaha itu, kata Perdana Menteri, kerajaan juga sedang mengubal undang-undang bagi memperuntukkan kuasa mengawasi madrasah dan sekolah agama untuk memastikan semua pengendali institusi berkenaan mematuhi kurikulum baru itu.

Dr Mahathir berkata, pelaksanaan kurikulum bersepadu itu akan meliputi sekolah kerajaan dan swasta.

"Ini kerana di sekolah kerajaan juga, kita dapati ada guru agama membawa masuk unsur politik sewaktu mengajar," katanya mengulas laporan muka depan Berita Harian hari ini mengenai penahanan 12 tenaga pengajar Sekolah Tarbiyah Islamiyah Luqmanul Hakiem di Sungai Tiram, Johor, termasuk mudirnya (pengetua), untuk siasatan berkaitan kegiatan Kumpulan Militan Malaysia (KMM).

Pihak berkuasa turut menutup sekolah itu, yang sehingga tahun lalu mempunyai 155 pelajar tahun satu hingga enam dengan semuanya tinggal di asrama.

Laporan itu memetik sumber polis sebagai berkata, 12 tenaga pengajar itu ditahan beberapa hari lalu berikutan laporan Jabatan Pendidikan Johor mengenai kegiatan yang mencurigakan di sekolah berkenaan.

Sebelum itu, Jabatan Pendidikan menerima laporan Jabatan Agama Islam Johor (JAJ) mengenai fahaman Wahabiah yang diajar serta diamalkan kakitangan dan pelajar sekolah berkenaan.

Berikutan itu, Jabatan Pendidikan negeri menolak permohonan pengurusan sekolah agama itu untuk didaftar dan memulakan sesi persekolahannya, awal tahun ini.

Dr Mahathir yang ditemui selepas majlis pelancaran sambutan ulang tahun pertama Wilayah Persekutuan Putrajaya dan perasmian Souq (bazar) di sini hari ini, berkata setakat ini beliau belum menerima laporan mengenai perkembangan terbaru di Johor Bahru itu yang dikaitkan dengan kegiatan KMM.

Bagaimanapun, Perdana Menteri sedih kerana guru agama sanggup melakukan perbuatan yang bertentangan dengan Islam.

Baru-baru ini, Dr Mahathir turut menyuarakan kebimbangan mengenai perbuatan guru taman didikan kanak-kanak (tadika) dan taman asuhan kanak-kanak Islam (taski) yang terus mendidik kanak-kanak membenci pemimpin dan kerajaan, bukannya mengajar agama sebenar.

Berikutan itu, Perdana Menteri berkata, kajian akan dibuat sama ada untuk memperkenalkan undang-undang baru atau undang-undang sedia ada dipinda bagi mengawal pembukaan tadika atau taski supaya matlamat penubuhannya tidak diselewengkan.

Setakat ini, tiada undang-undang khusus untuk mengawal taman didikan kanak-kanak seumpama itu. Selain dibuka sesuka hati, kelulusan dan tahap pengetahuan agama tenaga pengajarnya juga tidak diketahui.

Mengulas lebih lanjut mengenai undang-undang bagi mengawal sekolah agama, Dr Mahathir berkata, kerajaan menghadapi masalah kerana soal agama membabitkan kuasa kerajaan negeri.

"Ada kerajaan negeri mungkin ingin mempertahankan ajaran, (konon) ajaran Islam tetapi sebenarnya mempertahankan latihan kader-kader mereka untuk masa depan mereka," katanya.

Dr Mahathir berkata, kerajaan sedar ada sekolah agama di negara ini, seperti juga di Pakistan, tidak mengajar agama, sebaliknya melatih pelajar bagaimana menjatuhkan kerajaan secara kekerasan.

"Kita berasa sedih sebab itu... mereka sanggup buat perkara yang bertentangan dengan Islam kerana di sekolah ini bukan agama yang mereka belajar. Mereka belajar untuk politik, untuk nak menjatuhkan kerajaan.

"Kerap kali ajarannya ialah supaya dibuat secara ganas. Malang sekali, kalau kita timbul apa-apa tindakan, orang ini akan kata kita menghalang pelajaran agama, tetapi sebenarnya bukan agama yang diajar.

"Mereka mengajar politik dan cara-cara menjatuhkan kerajaan. Kita perlu menyelidik sama ada madrasah, pondok-pondok ini mengajar agama atau tidak. Saya tahu ada pondok yang mana penuntutnya mengambil 14 tahun nak belajar Usuluddin saja. Jadi bermakna, mereka tak belajar, mereka ada d situ dengan niat lain," katanya.

Ditanya kemungkinan Kerajaan Pusat akan campur tangan bagi mengawasi sekolah agama dan madrasah di seluruh negara, beliau berkata, Kerajaan Pusat bertanggungjawab terhadap semua sektor pendidikan kerana bidang kuasanya merangkumi sektor pendidikan.

"Sudah tentu (campur tangan) kalau mereka lari daripada tujuan pendidikan, sebaliknya menggunakan tempat ini untuk melatih anak kita dengan ideologi mereka dan hasrat mereka untuk menjatuhkan kerajaan.

"Memandangkan mereka (penuntut) ini begitu muda, mereka tak sabar. Sebab itu mereka sanggup belajar untuk menggunakan cara ganas untuk menjatuhkan kerajaan," katanya.

(END)